



**MAKLUMAN TERKINI
KEMASUKAN SEMULA PELAJAR SERTA PENETAPAN KAEDAH
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (PdP)**

YB. Menteri Pengajian Tinggi pada 8 Julai 2020 telah mengumumkan pelaksanaan kemasukan semula pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) mulai Julai sehingga Oktober 2020 secara berperingkat selaras dengan situasi semasa COVID-19. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui surat edaran JPT(A)1000/001/019/01JLD.21(19) bertarikh 16 Julai 2020 telah menjelaskan kemasukan semula pelajar secara berperingkat sebagai tambahan kepada lima (5) kumpulan pelajar yang telah diberi kelulusan oleh KPT sebelum ini seperti berikut:

1. Kemasukan Julai 2020 – Kebenaran kepada **empat (4)** kategori pelajar iaitu:
 - (i) Kemasukan 30% pelajar tempatan di IPTS
 - (ii) Pelajar Tahun 1,2,3,4 di universiti awam (UA) yang memerlukan latihan klinikal, latih amal, praktikal, bengkel, makmal, studio atau peralatan khusus, serta mereka yang perlu menduduki peperiksaan Badan Profesional;
 - (iii) Pelajar Tahun 1,2,3,4 di UA yang tidak mempunyai akses internet atau persekitaran kondusif bagi melaksanakan PdP secara dalam talian;
 - (iv) Pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu di UA dan IPTS.
2. Kemasukan Oktober 2020 – Pembukaan sepenuhnya IPT

Sehubungan itu, Pihak Pengurusan UniSZA telah membuat keputusan bahawa kemasukan semula pelajar ke kampus dan penetapan kaedah PdP adalah seperti berikut:

Kemasukan	Kategori Pelajar	Kaedah PdP
Ogos 2020	Rujuk (ii), (iii) dan (iv)	✓ PdP secara dalam talian sepenuhnya
Oktober 2020	Semua pelajar	✓ PdP secara dalam talian ✓ Kelonggaran PdP bersemuka diberikan kepada yang terlibat dengan aktiviti <i>hands on</i> .

Bagi mencegah penularan COVID-19, tatacara pengoperasian dan kemasukan para pelajar adalah tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Operasi IPT Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh KPT serta lain-lain SOP dan peraturan/arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak Pengurusan UniSZA.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Ilmu dan Akhlak”

Yang benar,

PROF. DATO' DR. HASSAN BASRI BIN AWANG MAT DAHAN
Naib Canselor
19 Julai 2020 (Ahad)